



**KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERANGKAIAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

**PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OKTOBER 2023 DAN TEMPOH  
JANUARI-OKTOBER 2023 #**

***Perdagangan Melempi Aras RM2 trilion pada Sepuluh Bulan Pertama***

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan Malaysia pada Oktober 2023 berkembang 6.8% kepada RM239.52 bilion. Eksport meningkat 1.5% kepada RM126.19 bilion dan import mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.4% kepada RM113.33 bilion. Lebihan dagangan mencecah RM12.87 bilion, merupakan lebihan dagangan yang ke-42 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

Perdagangan Malaysia menyusut pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.4% tahun ke tahun, berbanding penurunan dua digit yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Eksport menurun 4.4% dan import berkurang secara marginal sebanyak 0.2%. Prestasi ini seiring dengan rakan dagang utama Malaysia yang lain seperti China, Taiwan ROC dan Indonesia di mana masing-masing merekodkan pertumbuhan perdagangan negatif pada Oktober 2023 serta pengurangan dalam import global.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2023, perdagangan melepasi paras RM2 trilion, mencecah nilai RM2.181 trilion. Eksport berjumlah RM1.186 trilion, manakala import bernilai RM995.55 bilion. Perdagangan, eksport dan import masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 8% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Lebihan dagangan berkurang 7.9% kepada RM190.04 bilion.

## **Prestasi Eksport Sektor Utama**

### ***Eksport Keluaran Pertanian Mengukuh***

Pada Oktober 2023, eksport barangan perkilangan yang mewakili 85.3% atau RM107.59 bilion daripada jumlah eksport menurun 3.5% tahun ke tahun berikutan penyusutan eksport bagi keluaran petroleum serta barangan elektrik dan elektronik (E&E). Walau bagaimanapun, eksport kelengkapan pengangkutan, barangan makanan diproses, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan perkilangan logam, barangan kertas dan palpa serta barangan kayu mencatatkan pertumbuhan.

Eksport keluaran pertanian (7.1% syer) meningkat sebanyak 3.3% kepada RM8.90 bilion berbanding Oktober 2022, merekodkan pertumbuhan positif buat pertama kali selepas penurunan dua belas bulan berturut-turut.

Eksport hasil galian (6.9% syer) berkurang 21.9% tahun ke tahun kepada RM8.75 bilion kesan penurunan eksport gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah.

### **Barangan eksport utama pada Oktober 2023:**

- Barangan E&E, bernilai RM49.23 bilion dan merangkumi 39% daripada jumlah eksport, berkurang 2.3% berbanding Oktober 2022;
- Keluaran petroleum, RM13.85 bilion, 11.0% daripada jumlah eksport, ↓23.7%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM6.56 bilion, 5.2% daripada jumlah eksport, ↓0.8%;
- Kimia dan bahan kimia, RM6.47 bilion, 5.1% daripada jumlah eksport, ↓2.5%; dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM5.16 bilion, 4.1% daripada jumlah eksport, ↑6.6%.

Berbanding September 2023, eksport keluaran pertanian dan hasil galian masing-masing meningkat sebanyak 10.7% dan 10.4% manakala eksport barangan perkilangan mencatatkan penurunan marginal.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2023, eksport barangan perkilangan menyusut 6.3% kepada RM1.016 trilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022 berikutan pengurangan eksport keluaran petroleum, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit dan keluaran getah. Walau bagaimanapun, eksport barangan makanan diproses, barangan kertas dan palpa serta kelengkapan pengangkutan merekodkan pertumbuhan ketara.

Eksport hasil galian menguncup 12.8% kepada RM84.92 bilion disebabkan oleh penurunan eksport LNG dan petroleum mentah kesan kejatuhan harga komoditi tersebut.

Eksport keluaran pertanian berkurang 23.0% kepada RM77.74 bilion disebabkan eksport yang lebih rendah bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit berikutan penyusutan harga eksport minyak sawit.

### **Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama**

#### ***ASEAN – Perdagangan Kembali Meningkat pada Oktober 2023***

Pada Oktober 2023, perdagangan dengan ASEAN meningkat 1.7% tahun ke tahun, merangkumi 26.9% atau RM64.39 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport berkurang 5.7% kepada RM36.57 bilion disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport barangan E&E dan keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, pengurangan ini telah diimbangi oleh kenaikan eksport kimia dan bahan kimia serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari ASEAN mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.4% kepada RM27.82 bilion.

#### **Pecahan eksport ke negara ASEAN:**

- Singapura RM17.87 bilion, menurun 8.2%, tahun ke tahun;
- Viet Nam RM5.62 bilion, ↑11.6%;
- Thailand RM4.63 bilion, ↓21.3%;
- Indonesia RM4.48 bilion, ↓10.1%;
- Filipina RM2.61 bilion, ↑20.4%;

- Brunei RM896.1 juta, ↑13.9%;
- Myanmar RM287.1 juta, ↑14.7%;
- Kemboja RM150.7 juta, ↓30.1%; dan
- Lao PDR RM17.7 juta, ↑132.5%.

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan pertumbuhan dua digit ialah **Viet Nam** yang meningkat sebanyak RM585.2 juta dan **Filipina** naik sebanyak RM441.5 juta didorong oleh eksport keluaran petroleum yang lebih tinggi.

Perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 5.7%, 2.7% dan 10% berbanding September 2023.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2023, perdagangan dengan ASEAN menyusut 6.9% kepada RM600.49 bilion berbanding tempoh yang sama 2022. Eksport menurun 6.7% kepada RM350.8 bilion berikutan pengurangan eksport bagi keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Namun begitu, pertambahan eksport dicatatkan untuk barangan galian bukan logam, barangan minuman dan tembakau serta barangan makanan diproses. Import dari ASEAN turun 7.1% kepada RM249.69 bilion.

### ***China – Perdagangan Pulih pada Oktober 2023***

Pada Oktober 2023, perdagangan dengan China mewakili 17.7% atau RM42.31 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia, mencatatkan peningkatan 1.9% tahun ke tahun selepas mengalami penurunan selama tujuh bulan berturut-turut. Walau bagaimanapun, eksport ke China menyusut 7.0% kepada RM17.13 bilion disebabkan oleh penurunan dalam eksport LNG, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barangan E&E serta kimia dan bahan kimia. Walaupun berlaku penyusutan, pertumbuhan positif dicatatkan bagi eksport bijih logam dan serpihan logam, keluaran petroleum serta barangan kertas dan palpa. Import dari China meningkat 8.9% kepada RM25.18 bilion.

Berbanding September 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 10.6%, 3.1% dan 16.3%.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2023, perdagangan dengan China menyusut 8.0% kepada RM369.09 bilion berbanding tempoh yang sama 2022. Eksport turun 9.5% kepada RM157.35 bilion berikutan pengurangan eksport barangan E&E, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta barangan besi dan keluli. Sebaliknya, eksport berkembang bagi barangan kertas dan palpa, bijih logam dan serpihan logam, kelengkapan pengangkutan dan barangan makanan diproses. Import dari China lebih rendah sebanyak 6.9% kepada RM211.74 bilion.

### ***AS – Eksport Berkembang pada Oktober 2023***

Perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) pada Oktober 2023 menyumbang 9.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia, menurun sebanyak 7.7% tahun ke tahun kepada RM22.14 bilion. Eksport meningkat 4.0% kepada RM14.3 bilion, menunjukkan pemulihan selepas mencatatkan kemerosotan selama dua bulan berturut-turut. Kenaikan ini disumbangkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari AS menguncup 23.5% kepada RM7.84 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, import meningkat 2.3% manakala perdagangan dan eksport masing-masing lebih rendah sebanyak 1.4% dan 3.2%.

Dalam tempoh sepuluh bulan pertama 2023, perdagangan dengan AS menyusut 8.0% kepada RM204.87 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport berkurang 2.8% kepada RM133.75 bilion disebabkan oleh penurunan eksport barangan kayu, keluaran getah serta barangan perkilangan berasaskan minyak sawit. Sebaliknya, pertumbuhan positif dapat dilihat bagi eksport barangan E&E, kelengkapan pengangkutan serta barangan optik dan saintifik. Import dari AS turun 16.5% kepada RM71.13 bilion.

### ***EU –Perdagangan Merekodkan Peningkatan***

Perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang menyumbang 7.5% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada Oktober 2023 mencatatkan peningkatan 3.4% tahun ke tahun kepada RM18.07 bilion. Eksport berkurang 0.1% kepada RM9.77 bilion disebabkan oleh eksport barangan besi dan keluli serta keluaran petroleum yang lebih rendah. Namun begitu, penurunan dalam eksport telah diimbangi oleh pertumbuhan dua digit bagi eksport barangan E&E dan kelengkapan pengangkutan. Import dari EU berkembang 7.8% kepada RM8.3 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 90.4% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU adalah:

- Belanda RM3.13 bilion, meningkat 3.0%, tahun ke tahun;
- Jerman RM2.60 bilion, ↑7.9%;
- Belgium RM790.8 juta, ↓28.1%;
- Itali RM536.4 juta, ↑85.3%;
- Sepanyol RM423.3 juta, ↓17.1%;
- Perancis RM373.8 juta, ↓39.4%;
- Ireland RM322.5 juta, ↑354.0%;
- Poland RM242.1 juta, ↓10.4%;
- Hungary RM230.9 juta, ↑44.5%; dan
- Finland RM178.6 juta, ↑120.2%.

Eksport ke pasaran EU yang mencatatkan pertumbuhan ketara adalah **Ireland** yang meningkat sebanyak RM251.4 juta berikutan kenaikan eksport kelengkapan pengangkutan, **Itali** (↑RM246.9 juta, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit) dan **Jerman** (↑RM190 juta, barangan E&E).

Berbanding September 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 2.9%, 0.6% dan 5.7%.

Bagi tempoh sepuluh bulan pertama tahun 2023, perdagangan dengan EU menyusut 3.1% kepada RM171.77 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport jatuh 9.1% kepada RM94.07 bilion disebabkan oleh eksport minyak sawit dan barangan

berasaskan minyak sawit serta keluaran getah yang lebih rendah manakala permintaan yang lebih tinggi dapat dilihat bagi barangan E&E, kelengkapan pengangkutan serta barangan optik dan saintifik. Import dari EU meningkat 5.3% kepada RM77.69 bilion.

### ***Jepun – Pertumbuhan Eksport Dua Digit bagi Barangan Optik & Saintifik dan Barangan Makanan Diproses***

Pada Oktober 2023, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 5.4% atau RM12.88 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia, berkurang 19.5% tahun ke tahun. Eksport menurun 23.4% kepada RM6.63 bilion berikutan eksport yang lebih rendah bagi LNG, barangan E&E serta petroleum mentah. Sebaliknya, pertumbuhan dua digit direkodkan bagi eksport barangan optik dan saintifik serta barangan makanan diproses. Import dari Jepun susut 14.9% kepada RM6.25 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, import berkembang 11.7% manakala perdagangan dan eksport masing-masing berkurang sebanyak 0.4% dan 9.7%.

Pada Januari hingga Oktober 2023, perdagangan dengan Jepun menurun 14.1% kepada RM129.86 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport berkurang sebanyak 13.3% kepada RM70.9 bilion disebabkan oleh eksport LNG, keluaran petroleum serta barangan E&E yang lebih rendah. Bagaimanapun, kenaikan eksport dicatatkan bagi petroleum mentah serta barangan optik dan saintifik. Import dari Jepun menyusut 15.0% kepada RM58.96 bilion.

### ***Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA***

Pada Oktober 2023, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang menyumbang 66.2% atau RM158.58 bilion kepada jumlah perdagangan Malaysia menurun 1.6% tahun ke tahun. Eksport ke rakan dagang FTA menyusut 5.6% kepada RM86.28 bilion dan import meningkat 3.6% kepada RM72.3 bilion.

Dari segi pasaran, peningkatan eksport dicatatkan ke **Republik Korea (ROK)** yang meningkat sebanyak 9.5% kepada RM5.28 bilion dan **Mexico** (↑10.9% kepada RM1.76 bilion) dipacu oleh eksport keluaran petroleum. Sementara itu, eksport ke **Hong Kong SAR** meningkat sebanyak 5.9% kepada RM7.87 bilion berikutan eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E dan eksport ke **India** (↑4.6% kepada RM3.94 bilion didorong oleh kenaikan eksport bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Pertambahan eksport dicatatkan ke **Türkiye** yang berkembang sebanyak 3.3% kepada RM1.15 bilion disokong oleh kenaikan eksport barangan besi dan keluli. Selain itu, eksport ke **Peru** meningkat 6.6% kepada RM57.5 juta disumbangkan oleh pertambahan eksport tekstil, pakaian dan kasut manakala eksport ke **Chile** naik 1.4% kepada RM48.3 juta didorong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk barangan makanan diproses.

Berbanding September 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing naik sebanyak 4.7%, 1.4% dan 9.0%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA dalam tempoh sepuluh bulan pertama 2023 menguncup 7.6% kepada RM1.472 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport jatuh 6.8% kepada RM826.13 bilion dan import menurun 8.6% kepada RM645.94 bilion.

### **Prestasi Import**

Jumlah import pada Oktober 2023 menyusut secara marginal sebanyak 0.2% tahun ke tahun kepada RM113.33 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 68.8% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM55.87 bilion atau 49.3% daripada jumlah import, menurun 7.9% tahun ke tahun, berikutan pengurangan import alat ganti dan aksesori untuk barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan;



- **Barangan modal**, bernilai RM12.71 bilion atau 11.2% daripada jumlah import, meningkat 8.6%, disumbangkan oleh kenaikan import bagi barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan; dan
- **Barangan penggunaan**, mencecah nilai RM9.37 bilion atau 8.3% daripada jumlah import, berkembang 9.9%, hasil daripada import yang lebih tinggi bagi makanan dan minuman yang diproses terutamanya untuk kegunaan isi rumah.

Pada tempoh Januari hingga Oktober 2023, import mengurang 8.0% kepada RM995.55 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Import barangan pengantara menurun sebanyak 14.8% kepada RM505.05 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas, barangan modal ( $\uparrow$ 1.1% to RM101.7 bilion) dan barangan penggunaan ( $\downarrow$ 0.1% kepada RM85.16 bilion).

## # Nota:

- *Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai “barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.*
- *Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada Selasa, 28 November 2023 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).*
- *Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).*
- *Data bulan Oktober 2023 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.*
- *Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.*
- *22 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR, Hong Kong SAR, Kanada, Mexico dan Peru.*
- *Mulai bulan rujukan Februari 2020, United Kingdom tidak lagi menjadi ahli Kesatuan Eropah (EU).*
- *Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barangan). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunapakai daripada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengkelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersesuaian.*
- *Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.*

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

<b>Tahun/ Tempoh</b>	<b>Jumlah Eksport (RM Juta)</b>	<b>Jumlah Import (RM Juta)</b>	<b>Imbangan Perdagangan (RM Juta)</b>	<b>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</b>
<b>2022<sup>f</sup></b>				
Januari	111,060.0	92,822.5	18,237.5	203,882.5
Februari	101,741.7	82,589.3	19,152.5	184,331.0
Mac	131,488.1	105,244.1	26,244.0	236,732.2
April	127,482.9	104,107.5	23,375.4	231,590.3
Mei	120,589.6	107,791.3	12,798.3	228,381.0
Jun	144,275.5	121,093.5	23,182.0	265,369.0
Julai	134,325.5	118,486.7	15,838.8	252,812.3
Ogos	141,518.9	124,231.3	17,287.5	265,750.2
September	144,249.6	112,410.4	31,839.2	256,660.0
<b>Oktober</b>	<b>131,977.2</b>	<b>113,518.1</b>	<b>18,459.1</b>	<b>245,495.4</b>
November	129,693.9	107,890.4	21,803.5	237,584.3
Disember	131,606.3	103,626.2	27,980.0	235,232.5
2022 (Jan-Dis) <sup>f</sup>	1,550,009.3	1,293,811.4	256,197.9	2,843,820.7
<b>2023<sup>p</sup></b>				
Januari	112,655.3	94,524.7	18,130.5	207,180.0
Februari	112,268.5	92,699.9	19,568.6	204,968.4
Mac	129,668.2	102,979.8	26,688.5	232,648.0
April	105,192.9	92,566.7	12,626.2	197,759.6
Mei	119,510.3	103,812.0	15,698.3	223,322.3
Jun	123,951.7	98,403.1	25,548.7	222,354.8
Julai	116,811.0	99,456.2	17,354.8	216,267.2
Ogos	115,029.0	97,848.6	17,180.4	212,877.6
September	124,309.9	99,936.2	24,373.7	224,246.1
<b>Oktober</b>	<b>126,193.7</b>	<b>113,325.1</b>	<b>12,868.6</b>	<b>239,518.7</b>
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<b>1.5</b>	<b>13.4</b>	<b>-47.2</b>	<b>6.8</b>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<b>-4.4</b>	<b>-0.2</b>	<b>-30.3</b>	<b>-2.4</b>
Jan-Okt 2022 <sup>f</sup>	1,288,709.1	1,082,294.7	206,414.4	2,371,003.8
<b>Jan-Okt 2023<sup>p</sup></b>	<b>1,185,590.6</b>	<b>995,552.3</b>	<b>190,038.3</b>	<b>2,181,143.0</b>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<b>-8.0</b>	<b>-8.0</b>	<b>-7.9</b>	<b>-8.0</b>

*Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran*

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (OKTOBER)**

Barangan	Okt 2023 <sup>p</sup>	Sep 2023 <sup>p</sup>	Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>126,193.7</b>	<b>124,309.9</b>	<b>131,977.2</b>	<b>1.5</b>	<b>-4.4</b>
Barangan E&E	49,228.6	54,242.0	50,388.2	-9.2	-2.3
Keluaran Petroleum	13,845.8	10,767.8	18,151.3	28.6	-23.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	6,561.8	6,088.0	6,614.0	7.8	-0.8
Kimia & Bahan Kimia	6,467.4	6,059.7	6,633.0	6.7	-2.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,156.9	5,017.0	4,837.6	2.8	6.6
Barangan Optik & Saintifik	4,938.6	4,886.6	4,880.8	1.1	1.2
Barangan Perkilangan Logam	4,824.0	4,594.5	4,555.9	5.0	5.9
LNG	4,717.6	4,050.1	7,241.4	16.5	-34.9
Barangan Makanan Diproses	2,783.0	2,706.0	2,410.7	2.8	15.4
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	2,713.2	2,674.2	3,197.4	1.5	-15.1

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (OKTOBER)**

Pasaran	Okt 2023 <sup>p</sup>	Sep 2023 <sup>p</sup>	Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>126,193.7</b>	<b>124,309.9</b>	<b>131,977.2</b>	<b>1.5</b>	<b>-4.4</b>
Singapura	17,870.7	18,479.5	19,459.0	-3.3	-8.2
China	17,130.3	16,619.3	18,416.7	3.1	-7.0
AS	14,303.4	14,781.0	13,756.7	-3.2	4.0
Hong Kong SAR	7,874.7	8,964.4	7,436.3	-12.2	5.9
Jepun	6,630.7	7,340.6	8,655.9	-9.7	-23.4
Viet Nam	5,622.3	5,333.4	5,037.1	5.4	11.6
ROK	5,277.5	4,238.6	4,817.6	24.5	9.5
Australia	4,657.1	3,978.4	5,070.2	17.1	-8.1
Thailand	4,634.1	4,705.0	5,889.4	-1.5	-21.3
Indonesia	4,482.5	3,984.0	4,983.9	12.5	-10.1

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - OKTOBER)**

Barangan	Jan-Okt 2023 <sup>p</sup>	Jan-Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>1,185,590.6</b>	<b>1,288,709.1</b>	<b>-8.0</b>
Barangan E&E	484,055.6	487,970.4	-0.8
Keluaran Petroleum	121,106.1	137,241.3	-11.8
Kimia & Bahan Kimia	59,494.7	66,632.2	-10.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	58,031.6	80,781.6	-28.2
LNG	47,732.8	55,151.9	-13.5
Barangan Perkilangan Logam	47,005.2	54,321.9	-13.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	46,544.5	50,139.7	-7.2
Barangan Optik & Saintifik	45,379.2	46,355.0	-2.1
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	26,236.3	35,497.0	-26.1
Barangan Besi & Keluli	24,895.9	28,749.3	-13.4

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - OKTOBER)**

Pasaran	Jan-Okt 2023 <sup>p</sup>	Jan-Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>1,185,590.6</b>	<b>1,288,709.1</b>	<b>-8.0</b>
Singapura	185,450.7	189,678.2	-2.2
China	157,351.9	173,819.0	-9.5
AS	133,746.5	137,613.6	-2.8
Hong Kong SAR	75,166.8	79,040.7	-4.9
Jepun	70,901.2	81,813.8	-13.3
Thailand	48,899.8	55,349.2	-11.7
ROK	46,563.5	45,090.9	3.3
Australia	42,304.7	40,046.0	5.6
Viet Nam	42,048.8	45,083.7	-6.7
Indonesia	41,617.7	47,113.8	-11.7

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (OKTOBER)**

Barangan	Okt 2023 <sup>p</sup>	Sep 2023 <sup>p</sup>	Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>113,325.1</b>	<b>99,936.2</b>	<b>113,518.1</b>	<b>13.4</b>	<b>-0.2</b>
Barangan E&E	32,283.4	31,090.2	35,933.5	3.8	-10.2
Keluaran Petroleum	15,801.3	11,423.9	13,826.2	38.3	14.3
Kimia & Bahan Kimia	9,300.2	8,402.9	8,926.2	10.7	4.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,758.2	7,715.7	7,836.6	13.5	11.8
Petroleum Mentah	6,159.1	2,977.7	7,392.9	106.8	-16.7
Barangan Perkilangan Logam	5,542.8	5,485.4	4,784.8	1.0	15.8
Kelengkapan Pengangkutan	4,939.4	4,381.3	5,450.5	12.7	-9.4
Barangan Besi & Keluli	2,898.0	2,913.2	2,046.3	-0.5	41.6
Barangan Optik & Saintifik	2,825.5	2,700.4	2,573.5	4.6	9.8
Barangan Makanan Diproses	2,561.5	2,102.2	2,477.2	21.8	3.4

**JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (OKTOBER)**

Sumber	Okt 2023 <sup>p</sup>	Sep 2023 <sup>p</sup>	Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>113,325.1</b>	<b>99,936.2</b>	<b>113,518.1</b>	<b>13.4</b>	<b>-0.2</b>
China	25,184.4	21,649.1	23,120.1	16.3	8.9
Singapura	13,830.4	12,103.5	10,758.3	14.3	28.6
AS	7,840.4	7,666.0	10,243.1	2.3	-23.5
Taiwan ROC	7,145.6	6,810.7	10,509.9	4.9	-32.0
Jepun	6,254.0	5,599.8	7,350.1	11.7	-14.9
Indonesia	5,454.8	5,051.0	5,348.5	8.0	2.0
ROK	5,157.1	4,777.9	5,590.0	7.9	-7.7
Thailand	4,957.7	4,751.2	4,338.2	4.3	14.3
Arab Saudi	4,184.1	2,373.1	5,849.6	76.3	-28.5
Jerman	3,012.2	2,750.9	2,507.8	9.5	20.1

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - OKTOBER)**

Barangan	Jan-Okt 2023 <sup>p</sup>	Jan-Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>995,552.3</b>	<b>1,082,294.7</b>	<b>-8.0</b>
Barangan E&E	290,744.7	327,830.2	-11.3
Keluaran Petroleum	116,338.0	124,236.5	-6.4
Kimia & Bahan Kimia	87,080.5	97,376.0	-10.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	72,974.6	73,349.0	-0.5
Barangan Perkilangan Logam	53,097.1	52,739.2	0.7
Petroleum Mentah	49,176.0	44,555.0	10.4
Kelengkapan Pengangkutan	44,777.7	42,024.0	6.6
Barangan Besi & Keluli	26,345.0	28,666.9	-8.1
Barangan Optik & Saintifik	25,280.7	24,705.7	2.3
Barangan Makanan Diproses	23,239.0	24,120.0	-3.7

**JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI - OKTOBER)**

Sumber	Jan-Okt 2023 <sup>p</sup>	Jan-Okt 2022 <sup>f</sup>	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
<b>Jumlah Import</b>	<b>995,552.3</b>	<b>1,082,294.7</b>	<b>-8.0</b>
China	211,735.4	227,490.7	-6.9
Singapura	118,605.0	113,543.2	4.5
AS	71,127.3	85,149.4	-16.5
Taiwan ROC	69,035.6	88,941.3	-22.4
Jepun	58,958.4	69,344.6	-15.0
Indonesia	50,507.7	62,895.0	-19.7
Thailand	45,277.0	47,402.9	-4.5
ROK	44,646.7	49,623.2	-10.0
Arab Saudi	35,785.4	32,136.6	11.4
Australia	28,532.8	33,015.9	-13.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia  
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f - data muktamad

p – data provisional

**CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2017 – OKTOBER 2023#**

